

# Projek mesra alam pikanat hati juri

HARLAN METRO 4 NOV 2016 M 56 (TIMUR)

**Kuantan:** Syarikat Universiti Malaysia Pahang (UMP) Eco Pest Sdn Bhd memenangi dua pingat emas serta meraih anugerah khas juri pada Pertandingan Rekacipta Antarabangsa Warsaw (IWIS) 2016 di Poland, minggu lalu.

Dua projek mesra alam yang menjulang nama anak syarikat UMP itu ialah 'Pisoptera' sejenis racun anai-anai dihasilkan daripada sisa tandan sawit dan 'Pest Killa' cecair pembunuh serangga.

Ketua projek, Abdul Shukor Abd Razak berkata, anugerah khas juri diterima daripada Persatuan Inovasi dan Rekacipta Thailand yang tertarik dengan produk dihasilkan.

Menurutnya, pertandingan di Poland itu disertai 450 penyertaan dari seluruh dunia yang mana 20 projek dihasilkan penuntut universiti dan pelajar sekolah menengah dipertandingkan.

Katanya, UMP Eco Pest kali pertama menyertai pertandingan berkenaan yang dianggap begitu mencabar



**PELAJAR UMP menunjukkan pingat yang dimenangi pada Pertandingan Rekacipta Antarabangsa Warsaw 2016 di Poland.**

apabila bersaing dengan inovasi rekaan antarabangsa.

"Projek mesra alam dihasilkan daripada tumbuhan yang terdapat di negara kita menjadi kelebihan kepada kejayaan dalam pertandingan ini.

"Sokongan Persatuan Penyelidikan dan Inovasi Malaysia yang mencalonkan UMP Eco Pest untuk bertanding pada penganjuran kali ini membuka kepada

pencapaian yang mengangkat imej syarikat khususnya serta negara amnya," katanya, di sini, semalam.

Abdul Shukor berkata, pihaknya juga mendapat sokongan daripada Pejabat Perindahan Teknologi (TTO) UMP. Empat pelajar UMP turut bersama pada pertandingan di Poland itu dan mereka menjadi nadi penggerak kepada aktiviti penyelidikan mesra alam di UMP.